

26/04/2004

Insinerator cara bersih lupus sampah

MASALAH pelupusan sampah yang serius di negara ini mendapat perhatian banyak pihak termasuk kerajaan sendiri yang mengemukakan pelbagai langkah dan cadangan sebagai usaha mengatasinya.

Kaedah pelupusan konvensional di tapak pelupusan sampah bukan lagi jalan penyelesaian masalah itu berikutan peningkatan penghasilan sisa pepejal di seluruh negara setiap tahun. Cara ini juga dikatakan tidak relevan lagi berikutan hampir semua tapak pelupusan sedia ada ibarat hidup segan mati tak mahu.

Menyedari masalah itu yang semakin serius jika tiada jalan penyelesaian dicari secepat mungkin, Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencetuskan idea penggunaan alat pembakaran sampah atau insinerator sebagai alternatif pada awal Mac 1994.

Insinerator dikatakan menjadi jalan penyelesaian terbaik berikutan penggunaannya mampu mengurangkan kadar sisa buangan sehingga 90 peratus.

Kaedah ini bukanlah satu perkara baru berikutan kejayaan beberapa negara maju seperti Jepun dan Jerman yang menggunakannya bagi mengatasi masalah pelupusan sampah di negara mereka.

Di Jepun, loji itu bukan saja menyelesaikan masalah sampah-sarap penduduk sekitar, malah dibangunkan dan diselenggara dengan begitu baik sehinggakan ramai 'terlupa' bangunan yang berjiran dengan mereka itu sebenarnya sebuah loji pelupusan sampah.

Keadaan serupa disaksikan di Jerman apabila loji insinerator dibangunkan kurang satu kilometer dari kawasan penempatan dan mampu melupuskan 200,000 tan sampah setahun, selain menghasilkan tenaga elektrik dan haba yang dibekalkan semula kepada kira-kira sejuta penduduk.

Bagaimanapun di Malaysia, cadangan murni untuk membina teknologi seperti itu mendapat bantahan daripada orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyebabkan loji yang sepatutnya di bina di Kampung Bohol, Puchong, terpaksa diubah ke Broga, Semenyih. Loji berharga RM1.5 bilion dengan kapasiti 1,500 tan sehari itu dijangka akan beroperasi empat tahun lagi.

Walaupun kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) menunjukkan zon penampungan sejauh 500 meter sudah memadai untuk mendirikan loji berkenaan, penduduk tetap tidak mahu menerima data saintifik ini. Mereka mahu kawasan ini didirikan jauh sehingga tujuh kilometer (km), 10 km dan sehingga ke 20 km dari kediaman mereka.

Dalam satu soal selidik Berita Harian mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembangunan loji insinerator tahun lalu, majoriti responden maklum bahawa negara kini berhadapan dengan masalah sampah sarap berlebihan.

Mereka juga tahu kebanyakan tapak pelupusan sampah sudah penuh dan tidak mampu menampung sampah sarap yang semakin banyak. Justeru, mereka bersetuju bahawa teknologi insinerator adalah antara jawapan kepada masalah itu, selain kitar semula dan mahu ia dijayakan.

(END)